



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	25/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JPNP			



KERJA memusnahkan pokok kelapa sawit yang ditanam secara haram dalam Hutan Simpan Lepar.

Tebang 50 pokok di kebun sawit haram

Kuantan: Kira-kira 50 pokok kelapa sawit yang ditanam secara haram di kompartmen 33 Hutan Simpan Lepar di sini, dimusnahkan dalam Operasi Musnah, kelmarin.

Operasi membabitkan kawasan seluas 0.73 hektar mengambil masa kira-kira dua jam untuk memusnahkan pokok dianggarkan berusia empat hingga lima tahun.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah (PHD) Kuantan, Pekan dan Maran, Norshazlee Roslee berkata, pihaknya perlu bertindak tegas ter-

hadap sebarang kegiatan menceroob hutan simpan di daerah ini.

Menurutnya, individu terbabit menggunakan kaedah tanam dan tinggal di peringkat awal, sebelum mula membaja mengikut sistem apabila pokok mencapai usia dua hingga tiga tahun.

Katanya, mereka turut membiarkan kawasan kebun ditumbuhi semak tebal bagi mengelak dikesan pihak berkuasa, selain membina pagar zink bagi menghalang musuh terutama babi.

"Kebun kelapa sawit haram itu dikesan selepas Unit Tindakan Khas (UTK) PHD Kuantan, Pekan dan Maran yang melakukan rondaan.

"Kedudukan kebun berkenaan dalam kawasan bekas lesen pembalakan dan kegiatan itu dipercayai didalangi individu tempatan," katanya.

Operasi berkenaan disertai lebih 40 kakitangan PHD Kuantan, Pekan dan Maran termasuk Unit Penguatkuasa Zon Pahang Timur Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dengan bantuan anggota polis.

Turut menyertai operasi ialah Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad.

Beliau berkata, pihaknya mengambil masa kira-kira dua jam untuk memusnahkan semua pokok kelapa sawit dengan memotong menggunakan parang dan mesin berantai.

Menurutnya, pihak yang menceroob serta memasuki hutan simpan tanpa permit untuk apa juga tujuan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Perhutanan Negara (APN) 1984.